

# PM akur MT tolak peletakan jawatan

UM 24 JUN 2002  
Oleh ZULRIFLI JALIL

**K**UALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akur dengan pendirian mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam tadi yang menolak keputusan beliau mahu meletakkan semua jawatan dalam parti.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau bersama beberapa ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti telah menyatakan pendirian MT itu kepada Dr. Mahathir hari ini.

Dalam pertemuan itu juga, Dr. Mahathir bersetuju supaya Abdullah memanggil mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bagi menjelaskan hal beliau melepaskan jawatan dalam parti serta menariknya balik kemudiannya.

Menurutnya, ia penting untuk mengelakkan sebarang andaian atau kekeliruan berkenaan perkara itu.

“Beliau (Dr. Mahathir) tidak membantah keputusan (MT) yang kita ambil (menolak peletakan jawatannya).

“Saya akan memberitahu Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat untuk memanggil mesyuarat itu secepat mungkin,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan perkhidmatan Express Rail Link (ERL) KLIA Transit di Stesen Bandar Tasik Selatan di sini.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata demikian selepas ditanya mengenai pertemuannya dengan Dr. Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya pagi ini, sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara untuk bercuti.

Dr. Mahathir mencemaskan seluruh negara petang semalam dengan pengumuman mengejut meletakkan jawatan Presiden UMNO, Pengerusi BN dan semua jawatan dalam parti semasa mengulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Bagaimanapun, pengumuman itu di-

tarik balik dalam masa satu jam yang penuh mendebarkan setelah dipujuk oleh seluruh anggota Majlis Tertinggi parti. Pekikan ‘tarik balik’ berulang kali kedengaran di kalangan perwakilan yang penuh emosi dan kesedihan.

Malam tadi, MT UMNO dalam mesyuaratnya yang dipengerusikan oleh Abdullah mahu Dr. Mahathir terus memegang jawatan dan memimpin parti serta kerajaan.

Selain itu, mesyuarat berkenaan memutuskan supaya ahli-ahlinya dan semua Pengerusi Badan Perhubungan UMNO memberi penjelasan mengenai perkara kepada ahli-ahlinya di tempat masing-masing.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir ada memberikan sebarang amanat kepada beliau sebelum berlepas ke luar negara, Abdullah berkata:

“Tidak ada apa-apa. Perdana Menteri memerlukan cuti untuk berehat dan cuti yang diambilnya itu telah dirancang lebih awal serta dipersetujui oleh jemaah menteri.”